A

NASARUDIN DAUD & SATU LAGI

lwn.

PP

B

MAHKAMAH PERSEKUTUAN, PUTRAJAYA
RICHARD MALANJUM HB (SABAH & SARAWAK)
HASHIM YUSOFF HMP
MOHD GHAZALI YUSOFF HMP
[RAYUAN JENAYAH NO: 05-13-2010 (W) &
C 05-28-2010 (W)]
9 FEBRUARI 2011

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Dadah berbahaya - Mengedar ganja - Perbuatan mengedar, takrif - Membawa dan menunjukkan ganja*
D *kepada agen perangkap - Sama ada suatu perbuatan "mengedar" - Akta Dadah Berbahaya 1952, ss. 2, 39B(2)*

Perayu-perayu dalam kes ini telah berbincang dengan seorang agen perangkap ('SP4') di sebuah restoran untuk menjual 2 kilogram
E ganja kepada pihak terkemudian tersebut. Selepas berbincang, perayu kedua meninggalkan perayu pertama dan SP4 di satu kawasan di luar restoran, dan kira-kira 15 minit kemudian, kembali dengan membawa satu beg plastik berwarna putih yang mengandungi ganja. Berpuashati bahawa beg yang dibawa perayu
F kedua mengandungi ganja, SP4 memberi isyarat kepada pasukan polis yang menunggu di sekitar kawasan berkenaan, berakibat kedua-dua perayu ditangkap dan dituduh dengan kesalahan mengedar dadah berbahaya di bawah s. 39B(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('Akta'). Mahkamah Tinggi mendapati kedua-dua
G perayu bersalah atas pertuduhan dan begitu juga Mahkamah Rayuan apabila kes dirayui kepadanya. Dalam rayuan seterusnya, perayu-perayu berhujah bahawa kedua-dua mahkamah di bawah, atas autoriti *PP v. Saari Jusoh*, khilaf apabila mensabitkan mereka, kerana semasa ditangkap mereka masih belum menyerahkan dadah
H kepada SP4. Menurut perayu-perayu, ketidakserahan dadah tersebut bermakna tiada "penjualan" berlaku, dan oleh itu mereka tidak boleh dikatakan sebagai sedang "mengedar" dadah sepertimana perkataan tersebut ditakrif oleh s. 2 Akta. Menghujah balas, pendakwaan antara lain menyatakan bahawa tindakan

I

perayu kedua "membawa" dadah di dalam beg plastik dan menunjukkan kepada SP4 adalah suatu "pengedaran" juga di bawah s. 2 Akta.

Diputuskan (menolak rayuan)
Oleh Hashim Yusoff HMP menyampaikan penghakiman mahkamah:

(1) Selain dari perkataan "membeli", terdapat juga perkataan-perkataan "mengangkut, membawa, menghantar, membekalkan ..." di bawah s. 2 Akta. Oleh itu, sesuatu perbuatan atau tindakan yang termasuk di bawah mana-mana satu perkataan di atas bolehlah ditakrifkan sebagai "pengedaran". (perenggan 14)

(2) Tidak dapat dinafikan bahawa SP4 berurusan dengan kedua-dua perayu untuk membeli dadah daripada mereka dengan harga RM1,000 satu kilogram. Setelah dipersetujui, perayu kedua telah "membawa" dadah tersebut di dalam satu beg plastik dan menunjukkannya kepada SP4. Seperti yang disebut, perbuatan "membawa" ini sahaja adalah mencukupi untuk ditakrifkan sebagai "mengedar" di bawah s. 2 Akta, walaupun penyerahan dadah secara fizikal masih belum berlaku. (perenggan 15)

(3) Takrifan di bawah s. 2 Akta bertujuan memberi makna yang seluasnya kepada perkataan "mengedar" sehingga "membawa" dadah juga boleh dikatakan sebagai mengedar. Di dalam kes ini, perbuatan mengedar diperkuatkan lagi dengan adanya perbincangan jual beli dadah berkenaan sebelum itu antara SP4 dan kedua-dua perayu. (perenggan 16)

(4) Peranan pemberi maklumat di sini hanyalah untuk memperkenalkan SP4 kepada perayu-perayu sahaja. Dia tidak memainkan apa-apa peranan selain itu. Oleh itu, kegagalan pendakwaan memanggil pemberi maklumat sebagai saksi tidak memudaratkan kes mereka, tidak menyebabkan apa-apa ketidak-keadilan dan tidak membangkitkan inferens bertentangan di bawah s. 114(g) Akta Keterangan 1950. (perenggan 19)

A ***English*** *Translation Of Headnotes*

The appellants in this case have had a discussion with an agent provocateur ('PW4') at a restaurant for the purpose of selling 2 kilograms of cannabis to the latter. At the end of the discussion, B the second appellant left the first appellant and PW4 at a place outside the restaurant, and some 15 minutes later, came back with a white plastic bag containing the dangerous drugs. Having satisfied himself as to the contents of the white bag, PW4 gave the necessary signal to the police party nearby, with the result that C the appellants were arrested and charged with trafficking in dangerous drugs under s. 39B(2) Dangerous Drugs Act 1952 ('Act'). The High Court found both guilty as charged, and so too the Court of Appeal when the matter was brought before it on appeal. In this further appeal, the appellants argued, upon the D authority of *Saari Jusoh v. PP*, that the courts below were in error in their respective verdicts, since, at the time of their arrest, the drugs were yet to be delivered to PW4. According to the appellants, as the non-delivery of the drugs meant that no sale had taken place, they therefore could not be said to be E "trafficking" in the said dangerous drugs.

Held (dismissing appeal)
Per Hashim Yusoff FCJ delivering the judgment of the court:

F **(1)** Under s. 2 of the Act, apart from the word "purchase", other words are also employed such as "transporting, carrying, sending, delivering …". In the circumstances, any act caught within the ambit of any of these words may also be termed as "trafficking".

G **(2)** It cannot be denied that PW4 was negotiating with the two appellants with a view of purchasing drugs at a price of RM1,000 per kilogram from them. The parties having reached an agreement, the second appellant then "carried" the drugs in a plastic bag and showed it to PW4. As adverted, this act H of "carrying" the drugs is sufficient to satisfy the term "trafficking" under s. 2 of the Act, notwithstanding that there was no physical delivery of the drugs taking place.

(3) The definition under s. 2 of the Act is meant to give the I widest of meanings to the term "trafficking", so that "carrying" drugs can also amount to trafficking. In the present

case, the act of trafficking was bolstered by the negotiation to sell and purchase drugs that was taking place between PW4 and the two appellants.

(4) The role of the informer here was only to introduce PW4 to the appellants, and just that. That being the case, the prosecution's failure to call him as a witness could not have prejudiced their case, or caused any injustice or raised any adverse inference under s. 114(g) of the Evidence Act 1950.

Kes-kes yang dirujuk:
PP v. Sa'ari Jusoh [2007] 2 CLJ 197 FC ***(dirujuk)***
PP v. Mansor Mohd Rashid & Anor [1997] 1 CLJ 233 FC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Dangerous Drugs Act 1952, ss. 2, 39B(2)
Evidence Act 1950, s. 114(g)
Penal Code, s. 34

Bagi pihak perayu - Collin Sequerah; T/n Zain & Co
Bagi pihak responden - Murtazadi Amran TPR

[Rayuan dari Mahkamah Rayuan; Rayuan Jenayah No: 05-3-2005 & 05-4-2005]

Dilaporkan oleh Wan Sharif Wan Ahmad

PENGHAKIMAN

Hashim Yusoff HMP:

[1] Kedua-dua perayu telah dituduh dan disabitkan oleh Mahkamah Tinggi Kuantan di bawah s. 39B(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 ("Akta") di baca bersama s. 34 Kanun Keseksaan.

[2] Rayuan mereka ke Mahkamah Rayuan telah ditolak dan sabitan serta hukuman mati yang dijatuhkan oleh Mahkamah Tinggi dikekalkan. Kini mereka merayu kepada mahkamah ini.

[3] Fakta ringkas kes ini adalah seperti yang terdapat di dalam alasan penghakiman Mahkamah Rayuan (sila lihat rekod rayuan tambahan ms 7-11) dan saya tidak berniat untuk mengulanginya di sini.

A **[4]** Hanya satu isu yang dibangkitkan oleh peguam bijaksana bagi pihak kedua-dua perayu, iaitu, samada perbuatan kedua-dua perayu merupakan suatu pengedaran (dadah berbahaya) seperti yang ditafsirkan di bawah s. 2 Akta.

B **[5]** Peguam bijaksana bagi pihak perayu-perayu merujuk kepada s. 2 Akta dan menghujahkan terdapat 18 perbuatan yang berlainan yang boleh dikatakan menjadi suatu "pengedaran". Beliau seterusnya merujuk kepada keterangan SP4 Konstable Abd. Aziz bin Ahmad yang merupakan seorang agen perangkap yang
C berurusan dengan kedua-dua perayu dalam pembelian dadah berkenaan. SP4 menyatakan dia diberi wang tunai oleh Insp. Haslah sebanyak RM3,000 untuk ditunjukkan kepada perayu dengan tujuan untuk meyakinkan perayu bahawa dia betul-betul berhasrat untuk membeli dadah dari perayu. Seterusnya SP4 telah
D berjumpa dengan seorang pemberi maklumat (informer) di kedai makan di Jalan Galloway seperti yang dijanjikan. Pemberi maklumat itu seterusnya memperkenalkan SP4 kepada dua orang warga Acheh iaitu "Din" (perayu pertama) dan "Bob" (perayu kedua). Selepas itu pemberi maklumat meninggalkan mereka dan SP4 pun
E memberitahu Din bahawa dia ingin membeli 3 kilogram "daun". Setelah diminta oleh Din, SP4 pun menunjukkan wang yang berada di dalam dompet di pinggangnya untuk mengesahkan kepastian hasratnya untuk membeli 'daun' tersebut. Din kemudiannya bercakap dengan Bob dalam suatu bahasa yang tidak
F difahami oleh SP4. Setelah itu Bob beredar dan keluar dari restoran itu.

[6] Din menjawab dia boleh jualkan daun berkenaan kepada SP4 dengan harga murah sahaja iaitu RM1,000 satu kilo tetapi dia
G cuma ada 2 kilogram dan beberapa bungkusan kecil sahaja.

[7] Selepas selesai makan, Din ajak SP4 keluar bersamanya ke suatu tempat di tepi jalan di luar restoran itu untuk menunggu "barang" sampai. Sejurus selepas menunggu lebih kurang 10 hingga 15 minit, Bob pun tiba dengan membawa suatu beg plastik
H berwarna putih. Din memberitahu "barang" dah tiba dan menyuruh Bob menunjukkan kandungan "barang" di dalam beg plastik tersebut. Setelah "barang" itu ditunjukkan kepada SP4, Din pun meminta wang pembelian dari SP4.

I

[8] Setelah melihat "barang" di dalam beg plastik itu dan berpuas hati ia adalah ganja, SP4 terus memberi isyarat kepada SP9 yang terus bertindak dengan pasukan polis yang telah menunggu di dalam dan di sekitar restoran itu dan berjaya menangkap Din dan Bob yang masih memegang beg plastik berkenaan.

[9] Peguam yang bijaksana mempertikaikan bahawa perayu-perayu mengedar dadah kerana mereka telah di tangkap oleh anggota polis sebelum mereka dapat menyerahkan dadah tersebut kepada SP4. Oleh itu, dihujahkan "penjualan" masih belum berlaku lagi. Rujukan dibuat kepada kes *PP v. Sa'ari b. Jusoh* [2007] 2 CLJ 197 di mana Mahkamah Persekutuan memutuskan, antara lain:

> (1) Mahkamah Rayuan betul bila menyatakan ungkapan "penjualan" di dalam s. 2 Akta harus ditafsir secara ketat kerana ia merupakan sebahagian dari statut pedana. Berdasarkan kaedah ini, kekaburan atau keraguan yang terdapat pada statut pedana hendaklah diputuskan secara memihak kepada tertuduh. Inilah sebabnya mengapa Mahkamah Rayuan menyatakan bahawa, untuk membentuk "penjualan" seperti yang dimaksud s. 2 Akta, hendaklah wujud penyerahan sebenar dadah berbahaya diikuti dengan pembayaran harga yang dipersetujui. Tafsiran sedemikian dirumuskan kerana s. 2 Akta tidak menggunakan ungkapan "perjanjian untuk membeli", "perjanjian untuk menjual" atau "rundingan-rundingan penjualan".

[10] Oleh itu, kerana belum ada penyerahan dari Bob kepada SP4 di dalam kes rayuan semasa, maka tidak boleh dikatakan kedua-dua perayu sedang "mengedar" dadah seperti yang dimaksudkan di bawah s. 2 Akta Dadah Berbahaya 1952 ("Akta").

[11] Di sebaliknya Timbalan Pendakwa Raya menjawab bahawa jelas terdapat perbincangan antara SP4 dan Din (perayu pertama) untuk jual beli dadah, di mana Bob (perayu kedua) juga hadir bersama. Tindakan perayu kedua "membawa" dadah di dalam beg plastik putih dan menunjukkannya kepada SP4 juga adalah suatu "pengedaran" seperti yang ditakrifkan di bawah s. 2 Akta.

[12] Dihujahkan fakta kes di dalam *PP v. Sa'ari bin Jusoh supra* adalah berlainan sedikit kerana di dalam kes itu tertuduh telah meletakkan beg plastik yang mengandungi dadah di suatu tempat dan telah meminta agar agen perangkap polis pergi mengambilnya sendiri dari tempat itu. Di dalam kes rayuan semasa perayu kedua

A sendiri yang telah membawa dadah yang terdapat di dalam beg plastik putih itu kepada SP4 dan menunjukkan dadah itu kepada SP4.

Keputusan Mahkamah

B **[13]** Seksyen 2 Akta memperuntukkan seperti berikut:

> "pengedaran dadah" termasuklah melakukan salah satu daripada perbuatan-perbuatan ini, iaitu mengilang, mengimport, mengeksport, menyimpan, menyorok, membeli, menjual, memberi, menerima, menyetor, mengendalikan, mengangkut, membawa, menghantar, mengirim, berusaha mendapatkannya, membekal atau mengedar sesuatu dadah berbahaya atau dengan cara lain di bawah penguatkuasaan Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

C

D **[14]** Jelas selain dari perkataan "membeli", terdapat juga perkataan-perkataan "mengangkut, membawa, menghantar, membekalkan ..." di bawah s. 2 Akta. Oleh itu sesuatu perbuatan atau tindakan yang termasuk di bawah mana-mana satu perkataan di atas bolehlah ditakrifkan sebagai "pengedaran".

E

[15] Jika di lihat kepada fakta kes ini, tidak dapat dinafikan bahawa memang SP4 berurusan dengan kedua-dua perayu untuk membeli dadah daripada mereka dengan harga RM1,000 satu kilogram. Setelah dipersetujui, Bob/perayu kedua "membawa" dadah tersebut di dalam satu beg plastik dan menunjukkannya kepada SP4. Seperti yang saya katakan di atas, perbuatan "membawa" ini sahaja adalah mencukupi untuk ditakrifkan sebagai "mengedar" di bawah s. 2 Akta walau pun penyerahan dadah secara fizikal masih belum berlaku lagi sebab pasukan perangkap polis telah menyerbu dan terus menangkap kedua-dua perayu sebelum penyerahan dadah dapat dibuat.

F

G

[16] Adalah jelas juga takrifan di bawah s. 2 Akta bertujuan memberi makna yang seluasnya kepada perkataan "mengedar" sehingga "membawa" dadah juga boleh dikatakan sebagai mengedar. Di dalam kes ini perbuatan mengedar diperkuatkan lagi dengan adanya perbincangan jual beli dadah berkenaan sebelum itu antara SP4 dan kedua-dua perayu.

H

I

[17] Peguambela yang bijaksana ada juga menghujahkan bahawa oleh kerana pemberi maklumat polis itu tidak di panggil sebagai saksi pendakwaan, maka inferens bertentangan di bawah s. 114(g) Akta Keterangan adalah terpakai.

[18] Tetapi isu ini telah pun diputuskan di dalam kes *PP v. Mansor Mohd Rashid & Anor* [1997] 1 CLJ 233 di mana mahkamah ini antara lain memutuskan:

> (7) Walaupun informer telah memperkenalkan ejen provokasi polis kepada penentang kedua, tiada keterangan yang menunjukkan bahawa informer telah membuat apa-apa kecuali hadir sewaktu perundingan. Nampaknya kehadirannya hanyalah untuk menunjukkan kepada penentang-penentang bahawa niat ejen provokasi untuk membeli ganja adalah benar. Jika pun informer telah melampaui had seseorang informer dan dengan itu menjadi ejen provokasi, terdapat keterangan yang lebih daripada boleh dipercayai yang menunjukkan penglibatan penentang-penentang dalam perundingan dan persetujuan untuk menjual ganja kepada ejen provokasi polis (lihat ms 578F-H); *Munusamy v. PP* [1987] 1 MLJ 492 diikut, *Namasiyiam & Ors v. PP* [1987] 2 MLJ 336 dibeza.
>
> (8) Keputusan untuk menggunakan inferens bertentangan di bawah s. 114 Akta tersebut bukanlah mengenai rukun yang tidak fleksibel tetapi bergantung kepada keadaan setiap kes tertentu. Persoalan yang harus dipertimbangkan ialah sama ada kewujudan sesuatu fakta atau keadaan membuatkan kewujudan suatu fakta atau keadaan lain begitu mungkin hinggakan ia boleh dianggap wujud. Jawapannya mestilah berbeza menurut keadaan, sifat fakta yang perlu dibuktikan dan kepentingannya dalam kontroversi, cara ia biasanya dibuktikan, sifat kualiti dan kebolehpercayaan keterangan yang tidak dikemukakan dan sama ada ia mudah atau tidak didapatkan oleh pihak yang terlibat (lihat ms 579D-E).
>
> (9) Memandangkan takrifan 'pengedaran' dan keterangan yang dikemukakan termasuk keterangan atas jualan, mahkamah ini berpendapat bahawa fakta informer dan Amran tidak dipanggil tidak menjejaskan kejayaan pihak pendakwa di penutup kesnya dalam mewujudkan suatu kes di bawah s. 180 Kanun Prosedur Jenayah (NMB Bab6), bahawa suatu kes di bawah s. 180 tersebut terhadap kedua-dua penentang telah pun dibuat, dan ini adalah demikian jika pun ujian 'bukti

A melampaui keraguan munasabah' yang lebih ketat dipakai seperti yang dikemukakan dalam *Arulpragasan a/l Sandaraju v. PP* (Rayuan Jenayah Mahkamah Persekutuan No 05-237-1992) (lihat ms 579I dan 580A-B).

B **[19]** Begitu juga di dalam kes rayuan semasa peranan pemberi maklumat hanyalah untuk memperkenalkan agen provokasi (SP4) kepada perayu-perayu sahaja. Dia tidak memainkan apa-apa peranan selain dari itu. Oleh itu kami berpendapat kegagalan pihak pendakwaan untuk memanggil pemberi maklumat itu sebagai saksi tidak menjejas atau memudaratkan kes pendakwaan. Tidak ada
C ketidakadilan yang berlaku.

[20] Di atas sebab-sebab di atas, rayuan oleh kedua-dua perayu ditolak. Sabitan dan hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Tinggi dikekalkan.

D

E

F

G

H

I